

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK WEE JECK SENG**  
**KAWASAN : TANJONG PIAI**  
**TARIKH : 28 OKTOBER 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. DATUK WEE JECK SENG (TANJONG PIAI)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah jalan pintas Johor Bahru-Pekan Nanas yang telah dicadangkan sejak RMKe-8 akan dilaksanakan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya telah menjalankan kajian kemungkinan awalan mengenai cadangan projek pembinaan Jalan Akses Terus Johor Bahru – Pontian pada tahun 2005. Kajian itu mendapati projek berkenaan berdaya maju untuk dilaksanakan dan selari dengan laporan Pelan Induk Rangkaian Jalan di Semenanjung Malaysia (HNDP) yang diterbitkan kemudian pada tahun 2008.

Hasil kajian kemungkinan tersebut mencadangkan pembinaan jalan baru sepanjang 26km. dari Johor Bahru ke Pekan Nenas dan berakhir di bandar Pontian. Skop projek ini melibatkan kerja-kerja menaik taraf jalan sedia ada kepada 4 lorong 2 hala sepanjang 5.5km dan membina jalan baru sepanjang 20.5km – termasuk membina 9 persimpangan searas – dengan reka bentuk piawaian JKR R5. Anggaran kos keseluruhan projek itu pada masa kini ialah sebanyak RM520 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek ini telah dipohon untuk kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat dalam *Rolling Plan* ke-4, RMKe-10 (2015). Kementerian ini berhasrat untuk melaksanakan projek tersebut secara berfasa, tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.